



JABATAN CETAK KERAJAAN

Km. 4, Jalan Tuaran

Beg Berkunci No. 2004

88554 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

E-mel: pengarah.jck@sabah.gov.my Tel.: 088-538767 Faks: 088-217034



Tolong salinkan bil. kami dalam jawapan surat ini. *(Please quote this reference in any reply to this letter)*

Ruj. Tuan:

(Your Ref.)

Ruj. Kami:

(Our Ref.)

JCK:100-4/1 Jld.22 (61)

Tarikh : 12 September 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN CETAK KERAJAAN BIL. 01/2025

TEMPAHAN MEMBUAT COP GETAH DI JABATAN CETAK KERAJAAN

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi makluman kepada pelanggan Jabatan Cetak Kerajaan Sabah mengenai pesanan permohonan cop getah boleh ditempah atau dipesan dengan Jabatan Cetak Kerajaan Sabah.

2. Latar Belakang

2.1 Pada tahun 2003, Jabatan Cetak Kerajaan Sabah telah mengeluarkan Pekeliling untuk memberikan kelulusan untuk menempah/membuat cop getah di luar atau swasta atas sebab kerosakan mesin pembuat cop getah.

3. Pelaksanaan

3.1 Memandangkan Jabatan Cetak Kerajaan Sabah diperlukan untuk menjana hasil kepada Kerajaan dan selaras dengan pelaksanaan dasar perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat, maka pesanan atau tempahan membuat cop getah hendaklah dipohon dengan Jabatan Cetak Kerajaan.

- 3.2 Semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah mengemukakan permohonan ke Jabatan Cetak Kerajaan untuk membuat tempahan atau pesanan bagi pembekalan Cop Getah dan mematuhi Arahan Perkhidmatan Negeri Sabah Bab 5 Perkara 20(a).

4 Penguatkuasaan

- 4.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta merta bermula tarikh ia dikeluarkan.
- 4.2 Surat Pekeliling Jabatan Cetak Kerajaan Bil.JCK.100-4/1 Klt.8/(86) bertarikh 02 Januari 2003 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(LIEW CHERN WEI)

Pencetak Kerajaan Negeri

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU

"SABAH MAJU JAYA"